

# KERABAT DIRAJA BOLEH DIDAKWA:

Oleh Jamudin Idris

BM - 6 FEB 1992

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan kerabat diraja di negara ini tidak boleh bertindak sesuka hati seperti memukul atau membunuh orang kerana mereka juga tertakluk kepada undang-undang.

Beliau berkata, tidak ada peruntukan dalam undang-undang yang membenarkan mana-mana pihak untuk membina-sakan pihak lain tanpa dikenakan tindakan undang-undang.

"Kebebasan (kepada kerabat diraja) cuma diberi untuk perkara tertentu saja, kalau mereka memukul atau membunuh orang, kerajaan terpaksa mengambil tindakan.

"Kerajaan tidak akan berdiam diri dan akan memberi perlindungan kepada orang awam jika mereka dipanggil ke sesuatu tempat tetapi kemudian dipukul," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad (TNB) di sini, semalam.

Perdana Menteri meng-

Beliau menambah kerajaan sedih dengan dakwaan ada orang tertentu dipanggil ke istana dan kemudian menerima hukuman.

"Ia adalah satu perbuatan yang tidak seharusnya berlaku dalam sebuah negara pada zaman moden ini. Jika zaman dahulu kala boleh, tetapi sekarang perkara ini tidak sepatutnya dilakukan.

"Walaupun mungkin kita tidak dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap puak tertentu tetapi mereka yang terbabit 'menculik' dan membawa seseorang ke sesuatu tempat untuk dipukul dianggap melakukan kesalahan kerana bersubahat dan mereka tidak dilindungi undang-undang dan tindakan boleh diambil terhadap mereka," katanya.

Ditanya sama ada rakyat negara ini boleh menolak jika diarahkan oleh istana untuk menghadap, Perdana Menteri berkata, arahan itu tidak ada kuasa undang-undang dan terpulanglah kepada sesiapa sama ada mahu pergi (menghadap) atau ti-

PM

ulas isu campur tangan istana dalam sukan yang melibatkan pasukan hoki Maktab Sulta. Abu Bakar (MSAB) menarik diri daripada perlawanan separuh akhir Kejohanan Hoki Juara Sekolah-Sekolah Malaysia anjuran Persekutuan Hoki Malaysia/Milo.

Berikutan itu, jurulatih pasukan hoki (MSAB) Johor Bahru, Douglas Gomez dikatakan dipanggil ke Istana Bukit Serene, Johor Bahru, Isnin lalu kerana membuat kenyataan di akhbar yang mengecam pihak tertentu.

Keesokannya Gomez mengambil cuti sakit kerana dikatakan cedera di bibir, kepala dan rusuk.

Dr Mahathir berkata, kerajaan ingin menegaskan, jika ada lagi perbuatan seumpama itu, iaitu memaksa orang pergi ke mana-mana tempat untuk dipukul, kerajaan tidak akan berdiam diri.

"Kita tidak akan berdiam diri dalam perkara seumpama itu dan bukan menjadi hak sesiapa untuk memukul orang lain. Sesuka hati," katanya.

dak.

Dr Mahathir berkata, setakat ini beliau tidak tahu sama ada aduan polis sudah dibuat berhubung kejadian itu.

"Kita sedih kalau aduan polis tidak dibuat kerana takut. Sepatutnya rakyat tidak harus berasa takut dalam perkara yang memabitkan keadilan kepada mereka."

Sehubungan itu, beliau mengingatkan orang ramai jangan takut untuk membuat laporan polis jika mereka dipukul kerana kesalahan memandu kereta dengan laju.

"Saya berpendapat, perkara itu tidak seharusnya berlaku di Malaysia dan jika ada mana-mana pihak dianiayai seperti ini, kita ingin mendapat laporan supaya boleh diambil tindakan segera," katanya.

Beliau berkata, rakyat Malaysia tidak harus berasa takut dalam perkara keadilan kerana mereka dipelihara mengikut undang-undang dan tiada sesiapa boleh berbuat sesuatu kepada rakyat Malaysia.